

14/04/2002

Wawasan PM jadi model ekonomi Thai

Wan Hazmir Bakar

PETALING JAYA: Thailand berhutang budi kepada Malaysia, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana membantu negara itu memulihkan ekonominya daripada kesan krisis mata wang lalu, kata Naib Pengerus Majlis Penasihat Ekonomi Kepada Perdana Menteri, Thanong Bidaya.

Thanong berkata, pendekatan ekonomi yang diilhamkan Perdana Menteri bukan saja membantu Thailand keluar daripada krisis ekonomi, tetapi juga menjadi model kepada negara Asean lain.

Malah, katanya, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, sendiri berjumpa Dr Mahathir sebelum menemui pemimpin dunia lain untuk mendapatkan nasihat mengenai cara menguruskan ekonomi negara dengan baik serta menangani krisis mata wang itu.

"Beliau (Dr Mahathir) amat baik dengan kami... wawasan beliau menjadi model kepada negara Asean dan kini Thailand.

"Thaksin sudah banyak belajar daripada Dr Mahathir bagaimana mengadakan pengurusan ekonomi negara yang baik," katanya ketika ditemui selepas sesi ketiga Persidangan Williamsburg Ke-30 di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini, semalam.

Beliau adalah antara pembentang pada sesi bertajuk "Malaysia dan Asia Tenggara" yang menyentuh peranan Malaysia dalam bidang ekonomi dan politik di rantau ini.

Thanong berkata, Dr Mahathir bukan saja sedia memberi nasihat dan berkongsi pengalaman mengenai pendekatan Malaysia memulihkan ekonominya, tetapi juga menghantar pegawainya ke Thailand bagi memberi tunjuk ajar mengenai pendekatan bagi menangani krisis itu.

Katanya, hasil daripada bantuan dan kerjasama yang diberikan Malaysia itu beliau sendiri bertanggungjawab menubuhkan Perbadanan Pengurusan Aset Thailand, iaitu badan serupa seperti Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, bagi mengendalikan pinjaman tidak berbayar.

"Beliau (Dr Mahathir) menghantar pasukannya untuk membantu kami. Ini jelas menunjukkan beliau sedia bekerjasama dan membantu negara jiran dalam Asean... sebab itulah kita perlu teruskan kerjasama," katanya.

Mengenai ekonomi Asean keseluruhannya, Thanong berkata negara Asean perlu lebih berhati-hati supaya tidak mengulangi kesilapan yang dilakukan sebelum krisis mata wang lalu dan menjalinkan kerja sama ekonomi lebih erat.

Katanya, negara Asean juga perlu mengenal pasti sektor ekonomi yang sesuai bagi setiap negara anggota supaya masing-masing dapat menjadi pelengkap di antara satu sama lain serta menjadi Asean sebagai badan ekonomi yang berdaya saing.

"Kita perlu berwaspada dengan kemasukan dana asing... kita perlu mampu menseimbangkan di antara pertumbuhan dan kestabilan ekonomi," katanya.

Mengenai kepemimpinan negara Asean, Thanong berkata Malaysia, Singapura dan Thailand mempunyai kepemimpinan yang baik dan mantap bagi melaksanakan agenda pembangunan masing-masing manakala Indonesia dan Filipina masih perlu mencari kepemimpinan sedemikian.

Bagaimanapun, katanya, lebih penting pemimpin negara Asean harus memastikan perbincangan di antara mereka terus berlangsung seperti sedia ada atau lebih kerap lagi supaya segala masalah dapat diselesaikan dengan baik.

"Kita sudah bertukar dialog lebih kerap sekarang. Jika keadaan ini berterusan kita boleh menyelesaikan masalah remeh-temeh di sepanjang

sempadan dengan mudah," katanya.
(END)